

Jamaluddin anggap tugas cabaran besar dalam pembangunan ekonomi

UM 22 NOV 2004
PUTRAJAYA 21 Nov. — Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis yang mengangkat sumpah sebagai Menteri Kewangan Kedua hari ini mengang-
gap tanggungjawab baru itu sebagai satu cabaran besar bagi beliau dalam pemba-
ngunan ekonomi negara.

“Tumpuan saya ialah sedaya upaya untuk membantu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan Pertama yang mahu menjayakan agenda negara iaitu mengukuhkan kedudukan kewangan negara khususnya dalam keadaan dunia yang sentiasa berubah,” katanya.

Jamaludin berkata demikian kepada para pemberita ketika memasuki pejabatnya di Kementerian Kewangan di sini petang ini.

Beliau sekali lagi menyatakan terima kasih kepada Dr. Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang telah memberi kepercayaan dengan melantiknya sebagai menteri penuh di kementerian berkenaan.

Turut menyambut kehadiran Jama-

ludin di Kementerian Kewangan ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy; Setiausaha Parlimen kementerian itu, Hashim Ismail dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Shamsuddin Hitam.

Jamaludin, bekas Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, tiba di Kementerian Kewangan pada pukul 4.45 petang selepas menemui Dr. Mahathir selaku Menteri Kewangan Pertama di Pejabat Perdana Menteri.

Jamaludin memberitahu: “Sebentar tadi saya baru sahaja menemui Dr. Mahathir dan beliau telah memberikan garis panduan tugas selaku Menteri Kewangan Kedua.

“Pada keseluruhannya tugas saya adalah untuk membantu beliau selaku Menteri Kewangan Pertama.”

Menurut Jamaludin, Perdana Menteri juga telah menekankan supaya sikap kekeluargaan yang diamalkan oleh warga perbendaharaan dipertingkatkan bagi membolehkan semua agenda negara dapat dicapai sebaik mungkin.